



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENTERJEMAHAN KOLOKASI KATA KERJA BERPREPOSISI
ARAB-MELAYU MELALUI GOOGLE TRANSLATE***

FARAH HANAN BINTI AMINALLAH

FBMK 2013 28



**PENTERJEMAHAN KOLOKASI KATA KERJA BERPREPOSISI
ARAB-MELAYU MELALUI *GOOGLE TRANSLATE***

Oleh

FARAH HANAN BINTI AMINALLAH

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

Ogos 2013

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PENTERJEMAHAN KOLOKASI KATA KERJA BERPREPOSISI ARAB-MELAYU MELALUI GOOGLE TRANSLATE

Oleh

FARAH HANAN BINTI AMINALLAH

Ogos 2013

Pengerusi : Prof Madya Muhammad Fauzi Bin Jumingan, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Ramai yang mendakwa bahawa *Google Translate* tidak memberikan terjemahan bahasa Arab bahasa Melayu dengan baik. Malah terjemahannya sangat mendukacitakan. Beberapa tinjauan awal terhadap terjemahan *Google Translate* dilakukan dengan menterjemahkan beberapa kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu. Walaupun perkhidmatan ini lebih pantas, namun itu tidak semestinya menjanjikan kualiti terjemahannya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menguji, menghurai dan memberi penjelasan tentang kualiti terjemahan kolokasi yang diperolehi melalui *Google Translate*. Objektif kajian ini adalah untuk melihat ketepatan terjemahan *Google Translate* terhadap kolokasi berpreposisi, mengenal pasti bentuk terjemahan yang diperolehi daripada *Google Translate* dan menilai tahap

kewajaran kepenggunaan *Google Translate* sebagai salah satu medium penterjemahan. Kajian kualitatif ini menggunakan metod kepustakaan dengan memberi fokus pada terjemahan kolokasi kata kerja dengan kata sendi. Seterusnya kebolehpercayaan terjemahan yang dibuat oleh *Google Translate* ditentukan melalui analisis kesalahan terjemahan yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hasil terjemahan yang diberikan oleh *Google Translate* termasuklah terjemahan ke bahasa Inggeris, terjemahan kepada bunyi fonem, serta ketidakbolehan menterjemah kata sendi. Manakala tahap kebolegunaan sistem terjemahan dalam talian *Google Translate* berada pada tahap tidak mencapai standard yang diperlukan. Kesimpulannya, penggunaan *Google Translate* sebagai kamus adalah masih boleh digunakan, namun bukanlah sebagai sumber utama. Sebaliknya, pengguna-pengguna kamus disarankan agar membuat semakan semula terhadap terjemahan yang diperolehi menerusi *Google Translate* untuk mendapatkan hasil yang mantap.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**COLLOCATION TRANSLATION OF ARABIC-MALAY VIA GOOGLE
TRANSLATE**

By

FARAH HANAN BINTI AMINALLAH

August 2013

Chairman : Prof Madya Muhammad Fauzi Bin Jumingan, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

People keep arguing about the Google Translate's mistakes of Arabic to Malay language. The translation is very bad. This study aimed to test, analyze and explain the quality of acquired collocation translation via Google Translate. IT literate in today's society always use the internet as a medium to obtain information. Unfortunately, Google Translate does not give the satisfaction of the exact translation of the collocation. The objectives of this study is to identify the results obtained by Google Translate regarding collocation translation, to measure the accuracy of the translation of collocation by Google Translate and to describe the usability of online translation system for collocation by Google Translate. This qualitative study uses the method of literature by focusing on the translation of the verb

collocation with preposition. Hence, the reliability of the translation made by Google Translate is determined by the analysis of the result. The results showed that the translation provided by Google Translate is not encouraging because of too many errors of translation of the verb collocation with preposition. The offense made was the translation into English, translation of the phonem, and the inability to translate the proposition. Accuracy of meaning in translation is at the very low of level when the results showed that the translation from Google Translate do not meet the real meaning. While the usability of online translation Google Translate system did not reach the level of requirement and standard. In conclusion, using Google Translate as a dictionary can still be used, but not as the main source. Instead, users are advised to re-check the meaning using other dictionary in order to obtain a strong result.

PENGHARGAAN

Segala puja dan puji selayaknya ditujukan hanya kepada Allah Yang Maha Bijaksana. Juga selawat dan salam buat junjungan mulia Rasulullah s.a.w.

Sekalung penghargaan buat penyelia, Prof. Madya Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan dan Dr Reha binti Mustafa selaku ahli jawatankuasa, atas bimbingan dan kepercayaan yang diberi sepanjang tesis ini disiapkan. Jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia atas curahan ilmu dan nasihat yang bermanfaat.

Buat teman-teman seperjuangan GRF sesi 2010-2013, Shekarma, Huda, Nurlina, Juwairiah, Hasimah, Intisar, Balkis, Fatimah, Izzati, Nadiah, Aini, Solehah, dan Afifah, ucapan ribuan terima kasih kerana telah banyak membantu dalam usaha menyiapkan tesis ini secara langsung mahupun tidak langsung. Sumbangan idea anda semua, berkongsi bahan rujukan, serta membantu dalam hal-hal lain secara tidak langsung, hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa baik kalian. Semoga kalian juga terus gigih dan bersemangat dalam menyiapkan 'amanah' masing2.

Penghargaan teristimewa ditujukan buat bonda dan ayahanda tercinta Zawahi binti Othman dan Aminallah bin Haji Ali yang sentiasa memberi semangat serta dorongan yang jitu untuk menjadi seorang sarjana dalam dunia akademik. Terima kasih kerana sentiasa berada di sisi tatkala diri ini terjatuh dan cuba untuk bangkit kembali. Dengan semangat mereka yang tinggi untuk melihat anak ini berjaya, akhirnya saya bangkit untuk buat yang terbaik!

Akhir kata, saya berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

In sya Allah.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada _____ untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Farah Hanan binti Aminallah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penterjemahan Kolokasi Berpreposisi Arab-Melayu Melalui Google Translate” mengikut Akta Universiti dan Kolej 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Nama:

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pengerusi)

Nama:

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pemeriksa Dalam)

Nama:

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pemeriksa Dalam)

Nama:

Jawatan:

Fakulti:

Universiti:

(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Muhammad Fauzi Bin Jumingan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Reha Binti Mustafa, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



FARAH HANAN BINTI AMINALLAH

Tarikh: 22 Ogos 2013

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pengenalan Terhadap <i>Google Translate</i> dan BFIADe	3
1.3	Latar Belakang Kajian	6
1.4	Pernyataan Masalah Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Objektif Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Definisi Operasional	14
	1.8.1 Penterjemahan	14
	1.8.2 Kolokasi	15
	1.8.3 Kata Kerja Berpreposisi	17
	1.8.4 <i>Google Translate</i>	17
	1.8.5 Penterjemahan Dalam Talian	17
1.9	Batasan Kajian	
	1.9.1 Pemilihan Mesin Terjemahan	18
	1.9.2 Pemilihan Jenis Kolokasi	19
	1.9.3 Pemilihan Kata Kerja	20
	1.9.4 Pemilihan Bahan Pengukur <i>Betul-Salah</i> Terjemahan	20
	1.9.5 Tempoh Masa Penggunaan Sistem <i>Google</i> <i>Translate</i>	21
1.10	Kesimpulan	22
2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	23
2.2	Kajian Literatur	23
	2.2.1 Kajian Terhadap Penterjemahan Dalam Talian	24
	2.2.2 Kajian Terhadap Penterjemahan Mesin	27
	2.2.3 Kajian Terhadap Kolokasi	29
	2.2.4 Kajian Sampingan Yang Berkaitan	32
2.3	Analisis Kritis	35

2.4	Kesimpulan	40
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	41
3.2	Kerangka Konseptual	41
3.3	Reka Bentuk Kajian	44
3.3.1	Instrumen Kajian	44
3.3.1.1	<i>Google Translate</i>	44
3.3.1.2	Buku Frasa Idiomatik Arab dan Ertinya	45
3.3.1.3	Nota Catatan	46
3.3.1.4	Kamus Dewan Edisi Ketiga Dan Keempat	46
3.3.1.5	Kamus Dwibahasa Oxford Fajar BI-BM / BM-BI	47
3.4	Tatacara Kajian	47
3.4.1	Tatacara Pengumpulan Data	47
3.4.1.1	Proses Penentuan KK dan KS	48
3.4.1.2	Proses Mencari Terjemahan Melalui <i>Google Translate</i>	49
3.4.1.3	Proses Menghuraikan Terjemahan <i>Google Translate</i> dan BFI ADE	52
3.4.2	Tatacara Penganalisan Data	54
3.4.2.1	Objektif Pertama	54
3.4.2.2	Objektif Kedua	55
3.4.2.3	Objektif Ketiga	57
3.5	Kesimpulan	60
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	61
4.2	Dapatan Kajian	64
4.2.1	Dapatan Objektif Pertama	64
4.2.2	Dapatan Objektif Kedua	83
4.2.3	Dapatan Objektif Ketiga	104
4.3	Kesimpulan	107
5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	108
5.2	Rumusan	108
5.3	Cadangan	113
5.4	Kesimpulan	114
	RUJUKAN	115
	BIODATA PELAJAR	119